

AKHBAR SEBAGAI PEMBINA|

BANGI, 17 JULAI 1998

SAYA amat kagum dengan pertumbuhan Utusan sebagai sebuah syarikat surat khabar di Malaysia. Walaupun ia diasaskan di Singapura tetapi hari ini Utusan dianggap sebagai akhbar Malaysia dan dimiliki, dijaya dan diuruskan oleh rakyat Malaysia.

Perkembangan Utusan ini boleh dibanggakan oleh semua pihak, dan sudah tentu boleh dibanggakan oleh negara kita. Daripada sebuah akhbar yang mempunyai modal RM12,500, modal Utusan kini berjumlah berjuta-juta ringgit dan untungnya juga berjuta-juta ringgit.

Ini menunjukkan bahawa pertumbuhan memang akan berlaku kepada sesuatu usaha kalau ada usaha yang cukup diambil untuk memajukannya. Tidak ada sesuatu bermula dengan cara besar-besaran.

Suatu usaha perniagaan dan lain-lain yang bermula secara kecil-kecilan - dan kemudiannya daripada minat dan usaha yang bersungguh-sungguh - akan membesar menjadi satu badan perusahaan yang tidak termimpi oleh pengasas-pengasas yang memulakan usaha itu.

Sudah tentu pengasas-pengasas Utusan tidak mimpi bahawa hari ini 60 tahun kemudian kita akan mengadakan upacara ini dengan perayaan secara yang amat mengagumkan dan juga dengan memiliki bangunan dan peralatan begini canggih yang sama setaraf dengan lain-lain perusahaan pengeluaran surat khabar.

Industri surat khabar adalah suatu industri yang amat penting yang memang pun mempunyai peranan yang penting dalam memajukan cita-cita sesuatu bangsa.

Tanpa surat khabar seperti Utusan, maka mustahil rakyat Malaysia khususnya orang-orang Melayu dapat dikumpul untuk bergerak cergas dalam arena politik sehinggalah mereka dapat memperjuangkan kemerdekaan mereka.

Selepas kemerdekaan dicapai, maka peranan akhbar pula ialah untuk mengisi kemerdekaan dan memberi galakan dan pengetahuan kepada semua pihak supaya memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan negara yang sudah merdeka ini.

Tanggungjawab akhbar amatlah berat kerana akhbar boleh membentuk fikiran rakyat dan juga pemimpin ke arah kebaikan ataupun keburukan.

Kita dapati di zaman ini terdapat amat banyak kecenderungan oleh akhbar semata-mata untuk menarik pelanggan, pembaca yang ramai dengan apa cara sekalipun.

Kita dapati bahawa di Barat sudah ada cara-cara melaporkan berita yang tidak mengambil kira moral ataupun kesannya selain menjadikan pemberita seorang yang terkenal dan menjadikan akhbar popular.

Itu sahaja yang diutamakan. Dengan itu banyaklah akhbar-akhbar yang diterbitkan di Barat yang menumpukan kepada menggerak nafsu manusia dengan cerita-cerita yang berunsur seks dan keganasan. Semakin hari semakin buruk nampaknya kecenderungan ke arah ini.

Malang sekali bagi kita ialah kita turut mendekati pendekatan ini untuk mendapat kemajuan. Bahkan apabila kita melihat ada akhbar-akhbar di Barat yang tidak segan-segan mencipta berita dan menceritakan sesuatu yang tidak berasas, membohong dan sebagainya, ada juga kita yang tertarik dengan cara itu dan membuat laporan yang menarik tetapi tidak mempunyai asas.

Kadang-kadang oleh kerana kesedaran akan kuasa akhbar, ada juga yang ingin menggunakan kuasa akhbar untuk tujuan-tujuan tertentu. Apabila akhbar disalahgunakan sedemikian, maka peranan membina yang sepatutnya menjadi peranan utama akhbar akan hilang. Dengan itu, masyarakat juga akan kucar-kacir.

Sebenarnya kita tidak perlu meniru cara orang lain. Mereka sudah pun maju. Bagi mereka perpecahan dan lain-lain tidak akan menghancurkan negara mereka.

Tetapi kita masih sebuah negara membangun yang cuba mengejar negara-negara yang maju. Untuk ini kita perlu semua pihak menumpukan kepada usaha-usaha yang boleh memajukan negara kita.

Sudah tentu kalau kita berusaha untuk memecah-belahkan rakyat atau mengelirukan mereka, menimbulkan perasaan tidak senang antara satu dan lain, maka kita tidak akan menyumbang kepada pembangunan negara.

Sedangkan kita begitu berkuasa, begitu berpengaruh dan kita boleh menggunakan kuasa dan pengaruh ini untuk sesuatu yang baik bagi negara kita.

Kita berharap apabila kita melatih pemberita-pemberita yang baru, penekanan hendaklah diberikan bukan sahaja terhadap cara-cara untuk mempopularkan tulisan ataupun laporan kita tetapi juga tanggungjawab kita kepada masyarakat.

Kita dapati bahawa pemberita baru awal-awal lagi diajar menggunakan pendekatan mendedahkan itu dan ini kerana pendekatan itu akan memajukan akhbar.

Walaupun ia tidak mendatangkan kebaikan kepada masyarakat, tetapi kalau kita boleh memajukan diri kita ataupun akhbar kita, ini harus diguna oleh kita.

Dengan itu, kita melihat sekarang ini wujud penekanan kepada perkara-perkara yang tidak membina di dalam negara kita. Kita dapati ada kecenderungan untuk membuat laporan-laporan yang memburukkan imej negara.

Kita tidak ingin melihat negara kita dilindungi daripada berita yang benar tetapi kita hendaklah imbangi berita itu dengan berita yang benar juga berkenaan sesuatu yang boleh meningkatkan imej negara kita.

Kita dapati juga ada kecenderungan untuk membuat laporan buruk tentang negara sendiri tetapi tidak langsung berminat untuk membuat laporan yang sama untuk negara-negara lain. Bahkan kita dapati negara-negara lain mempunyai lebih banyak masalah dan perbuatan-perbuatan yang tidak baik tetapi kita tidak dapat laporan itu sama sekali dalam akhbar kita.

Sebaliknya kalau ada laporan ataupun peristiwa yang tidak baik dalam negara kita, ia dibesar-besarkan. Dengan itu kita mempunyai perasaan rendah diri, kita mempunyai inferiority complex kerana kita sangka bahawa negara kita begitu buruk dan negara asing begitu baik.

Sebenarnya negara asing kerap kali lebih buruk daripada kita tetapi oleh kerana kita yang memburukkan negara kita, maka ia menyebabkan kita sendiri terpedaya dan tertipu dengan laporan yang kita baca dan kita berasa bahawa kitalah yang kurang baik, bersalah dan sebagainya.

Ini amat mendukacitakan kerana kuasa adalah sesuatu yang harus diguna dengan baik. Kita tidak boleh nafi bahawa akhbar mempunyai kuasa, dan kata orang kalau seseorang ada kuasa ia kerap dipengaruhi oleh kuasa itu secara yang tidak baik. Kata orang, power corrupts dan kita dapati sesiapa juga yang mempunyai kuasa cenderung untuk menyalahgunakan kuasa.

Kita tidak kurang bersalah kalau dengan kuasa yang ada pada kita itu maka kita membuat tuduhan bahawa orang lain menyalahgunakan kuasa. Sedangkan dengan tuduhan yang tidak berasas, kita juga menyalahgunakan kuasa.

Ini harus kita semua ingat dan kita harus gunakan kuasa ini untuk membangunkan negara kita.

Saya ingin mengingatkan semua pihak bahawa kita masih sebuah negara yang sedang mengejar kemajuan. Untuk ini kita perlu kepada ketenteraman dan keamanan dalam negara kita. Kalau kita berpecah belah dan mempunyai banyak masalah dalaman, maka kita tidak dapat menumpu kepada usaha-usaha membangunkan negara.

Namun demikian saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Utusan dan akhbar-akhbar Utusan yang telah memberi sokongan yang kuat kepada kerajaan. Hasil daripada sokongan inilah maka hari ini kita lihat negara kita telah mencapai tahap pembangunan yang cukup pesat.

Dan bersama-sama dengan pembangunan ini, Utusan juga mencapai kemajuan pesat. Jelas sekali bahawa kita tidak akan dapat kemajuan untuk diri kita sahaja melainkan kita menolong pihak lain mencapai kemajuan.

Saya harap Utusan daripada sebuah kumpulan akhbar yang begini besar yang telah mengembangkan kegiatannya sehingga ke kegiatan multimedia, teknologi maklumat, mengeluarkan CD-ROM dan sebagainya, menggunakan peruntukan, tenaga dan pemikirannya supaya dengan itu kita akan dapat mencapai lebih banyak kemajuan.

Saya ucapkan tahniah kepada Utusan yang telah meningkat umurnya kepada 60 tahun sebulan lepas. Saya harap Utusan akan berkekalan dan dapat merayakan mungkin 100 tahun, 200 tahun yang akan datang dan dalam keadaan yang lebih maju daripada sekarang. Saya percaya ini jugalah harapan Utusan. Saya berdoa harapan ini akan tercapai akhirnya.